



Buletin **SUK**

BIL.2/2022

PERAK

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perak



Kunjung Hormat
UTA-DUTA NEGARA

**AMERIKA LATIN
DAN CARIBBEAN**

(GRULAC)

KE NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Sidang Redaksi

PENAUNG

YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

KETUA PENYUNTING

Anita Amri
Reza Amirul Adib

PENYELARAS

Roslan Jamaluddin
Dalila Mastor

PEREKA GRAFIK

Azmi Asmayatim

WARTAWAN

Firdaus Ehsan
Qistina Izfarina

FOTOGRAFI

Lopman Bahari
Faez Zulkarnain

PENOLONG PENYELARAS

Safuan Rozali
Nik Muhammad Firdaus

BAHAGIAN KORPORAT
PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK

KENAPA SANGKUT DENGAN HUTANG



PILIH UNTUK MENGABAIKAN MASALAH HUTANG



Saya mana ada masalah
hutang, tak ada lah...

PILIH UNTUK TIDAK MEMINTA NASIHAT/BANTUAN



Malulah, tak payahlah
pergi AKPK...

TERLALU MENGIKUT TREND



Wah bergayanya, nak beli
jugaklah. Senang, bayar
dengan kad kredit dahulu.

PILIH UNTUK TIDAK MENDENGAR NASIHAT



Tak pe tu sikit je, nanti
ada duit bayarlah...

AKPK menyediakan perkhidmatan Pendidikan Kewangan yang boleh dimanfaatkan oleh semua individu isi rumah mahupun Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Perkhidmatan ini boleh diakses daripada laman web power.akpk.org.my yang menyediakan pelbagai modul pendidikan kewangan serta laman web ask.akpk.org.my untuk pelbagai bahan pembelajaran kewangan—semuanya tersedia secara dalam talian. AKPK juga mengalu-alukan mana-mana organisasi yang berhasrat menjemput AKPK untuk memberikan taklimat pengurusan kewangan kepada kakitangan mereka.

Selain itu, AKPK juga memberikan khidmat nasihat kewangan kepada mereka yang menghadapi masalah dalam bayaran balik pinjaman serta menawarkan bantuan melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) untuk individu, dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) untuk PKS dan perusahaan mikro. Melalui program dan skim ini, AKPK membantu untuk membuat rundingan dengan pihak bank atau pemberi kredit untuk menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman dan merumuskan satu pelan bayaran balik pinjaman/pembiayaan baharu mengikut kemampuan semasa peminjam/pelanggan.

Semua khidmat nasihat kewangan dan pengurusan kredit kami adalah **percuma** dan kami tidak pernah melantik ejen atau pihak ketiga untuk berurusan bagi pihak kami. Berhubunglah terus dengan AKPK dan jangan terpedaya dengan panggilan atau tawaran pihak ketiga yang mendakwa sebagai kakitangan AKPK atau menawarkan perkhidmatan dengan bayaran/caj tambahan. Layari services.akpk.org.my untuk mengakses perkhidmatan AKPK dengan menghantar borang dalam talian yang telah dilengkapkan untuk dihubungi oleh penasihat kewangan AKPK.

Untuk sebarang maklumat tentang pengurusan kewangan termasuklah panduan dan pautan kepada semua perkhidmatan AKPK, anda juga boleh melayari laman media sosial rasmi AKPK, iaitu @AKPKofficial di Facebook, Instagram, Twitter dan terbaharu di LinkedIn dan TikTok.

AKPK Sahabat Kewangan Anda

www.akpk.org.my | AKPKofficial      



Laman Rasmi Facebook
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Sila like page :-
"Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak"
Pelbagai informasi boleh diperolehi!!!



Sila like dan follow Instagram
Pejabat SUK Perak :-
"sukperak"

كبرياؤن
دولي بغ ما موليا قدوك سري سلطان فيراق دارالرضوان
سلطان نوزين معزالدين شاه
سلطان ازلن محب الدين شاه المغفورله
سقطنا



DYMM SULTAN PERAK BERKENAN SAMPAIKAN RM9.2 JUTA BANTUAN HARI RAYA

IPOH, 18 APRIL 2022 – DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Negeri Perak Darul Ridzuan 2022 di Masjid Sultan Azlan Shah di sini, malam tadi.

Turut berangkat DYAM Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YABhg. Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Dato' Seri Mohd Annuar Zaini; YBhg. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Dato' Haji Mohd Yusop Husin serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.

Majlis dimulakan dengan tazkirah, bacaan ayat suci al-Quran, tahlil dan doa selamat, diikuti bacaan doa berbuka puasa yang dihadiri lebih 300 jemaah sebelum seterusnya menunaikan solat Maghrib berjemaah.

Sebaik tiba, baginda berkenan menyempurnakan penyerahan bantuan hari raya daripada dana zakat MAIPK sebanyak RM8,335,500 kepada 33,342 orang asnaf fakir dan miskin seluruh negeri Perak. Bantuan disampaikan melalui Penghulu-Penghulu Mukim Daerah iaitu sebanyak 12 daerah. Bantuan hari raya turut diberikan kepada 3,412 orang asnaf mualaf berjumlah RM853,000.

Baginda turut berkenan mengurniakan watiqah pelantikan anggota MAIPK yang baharu kepada YDH. Toh Maharaja Indera, Tuan Khairil Anuar Arshad dan Pengarah Perbadanan Taman Negeri Perak, Mohamed Shah Redza Hussein.

Baginda kemudiannya menunaikan solat isyak berjemaah dan solat sunat Tarawih sebelum berangkat pulang.



Lancar WaQaf 365

IPOH, 13 MEI 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan melancarkan Program WaQaf 365 di Hotel Impiana, di sini.

WaQaf 365 merupakan program di bawah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak Sdn. Bhd. (PSB), iaitu syarikat penuh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK).

Program itu dilihat sebagai sebuah medium bagi umat Islam untuk berwakaf secara tunai sepanjang tahun dengan teknologi dalam talian melalui sistem *Infaq-Pay* yang mudah, berterusan dan sistematik selain daripada potongan gaji bulanan.

YBhg. Pengerusi PSB, Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin dalam ucapannya berkata WaQaf 365 memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk berwakaf berdasarkan kemampuan kewangan masing-masing.

"Melalui saluran perwakafan *Infaq-pay* dan disusuli dengan konsep dapat mendekatkan pewakaf untuk berwakaf secara 'direct debit' setiap bulan atau secara *one-off*, PSB mensasarkan 10,000 pewakaf atau jumlah kutipan RM3.6 juta setahun.

"Pemilihan '365' adalah simbolik sebagai mesej kepada semua umat Islam bahawa amalan berwakaf ini boleh dilaksanakan setiap hari dan sepanjang tahun," katanya.

Hadir sama ke majlis tersebut, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan serta YABhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen. Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd Zahidi serta Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Ujar YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim lagi, pihaknya mengajak seluruh masyarakat khususnya agensi kerajaan dan swasta, pemain industri kewangan Islam, syarikat amanah dan pengurusan pusaka, agamawan tampil ke hadapan untuk bersama-sama menghulurkan sumbangan menjayakan program WaQaf 365.

"Seluruh masyarakat diajak tampil menghulurkan sumbangan melalui program ini baik dari material, perkhidmatan, pemikiran dan tenaga masa agar wakaf dapat berperanan efektif untuk membangunkan taraf sosio ekonomi ummah.

"Selain itu, PSB juga akan melancarkan program Amanah Lil Wakaf bersama rakan strategik iaitu syarikat takaful dan syarikat amanah dan pengurusan pusaka untuk mempelbagaikan saluran untuk berwakaf melalui tunai dan bukan tunai," ujarinya lagi.



PERDANA L ISLAM

KUALA KANGSAR, 19 MEI 2022- DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat ke Forum Perdana Hal Ehwal Islam di Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar.

Turut berkenan berangkat, DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Forum bertajuk 'Dari Rahim Ke Liang Lahad' itu turut dihadiri lebih 500 penonton, selain disiarkan secara langsung di saluran TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Forum itu menampilkan Ustaz Mohamad Hariri Mohd. Daud sebagai moderator bersama tiga panel iaitu YBhg. Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK), Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan; YBhg. Pengetua Pusat Pendidikan Al-Barakah, Dato' Mohamad Kazim Elias serta Dr. Muhammad Ayman Al Akiti daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Inti pati forum selama sejam setengah bermula 9.00 malam itu, antara lain memfokuskan kepentingan ilmu dan pendidikan Islam dalam kehidupan serta membentuk keperibadian seseorang individu.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YABhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd Zahidi Zainuddin serta Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK BERKENAN BERANGKAT KE

FORUM **PERDANA** EHWAL ISLAM





KUALA KANGSAR, 19 MEI 2022- Dua pengayuh basikal dari Afrika Selatan yang sedang dalam misi berbasikal ke New Zealand sempena kejohanan Ragbi Piala Dunia di negara itu pada Oktober tahun hadapan melalui pengalaman menarik apabila DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menyambut kedatangan mereka.

Ron Rutland dan rakannya, Adam Nunn merupakan pemain ragbi dari Cape Town, Afrika Selatan yang singgah di Kuala Kangsar telah disambut oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak di pintu masuk Istana Iskandariah, Bukit Chandan di sini pada kira-kira pukul 1.45 tengah hari.

Baginda sempat meluangkan masa kira-kira 15 minit untuk beramah mesra dengan dua pengayuh berkenaan sebelum sesi berkenaan diakhiri dengan sesi bergambar bersama.

Menurut Ron Rutland, mereka telah tiba di Tokyo, Jepun pada 13 Mac lalu dan berbasikal merentasi beberapa negara sebelum tiba di Malaysia.

"Pertemuan bersama baginda pada hari ini merupakan salah satu penghormatan dan kami amat menghargai kesudian baginda meluangkan masa bertemu kami, ini merupakan sebuah pengalaman tak dapat kami lupakan apatah lagi apabila kami tahu baginda sememangnya seorang peminat sukan ragbi.

"Selalunya apabila hendak berjumpa dengan orang kenamaan, kita perlu berpakaian formal, mengenakan kod dan sebagainya namun hari ini baginda menyambut ketibaan kami yang berpakaian begini dalam keadaan yang sangat berpeluh," katanya

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi beramah mesra bersama DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah di Istana Iskandariah, di sini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YABhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd Zahidi Zainuddin serta YABhg. Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Dato' Seri Mohd Annuar Zaini.

Ujar Ron Rutland lagi, selepas Malaysia, perjalanan akan diteruskan ke Singapura, Indonesia, Timor Leste dan akan singgah berehat di negara yang terkenal dengan sukan ragbi seperti Fiji, Tonga, Samoa dan Australia jika berkesempatan.

"Selepas itu kita akan meneruskan perjalanan dan dijangka tiba di Auckland, New Zealand pada pembukaan kejohanan Ragbi Piala Dunia yang bermula pada 8 Oktober 2023.

"Perjalanan dari Tokyo ke Auckland melibatkan jarak antara 16,000 hingga 17,000 kilometer menempuh 14 negara dan mengambil masa selama 209 hari," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan sama, misi berbasikal tersebut bertujuan bagi membuat kutipan untuk tabung pembangunan sukan ragbi dalam kalangan kanak-kanak di Asia Tenggara yang kurang berkemampuan dan terdedah dengan sukan ragbi dengan sasaran kutipan sebanyak \$AS200,000.



**DUA PENGAYUH
BASIKAL**

Rentas Dunia

TERUJA DISAMBUSUT DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK

DYMM Tuanku Zara Salim

Berkenaan melancarkan

NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN UPSI



TANJUNG MALIM, 24 MEI 2022- DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenaan berangkat ke Majlis Sambutan Aidilfitri dan Sambutan 25 Tahun Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim, pagi ini.

Pada majlis itu, baginda turut berkenaan melafazkan pelancaran Sambutan 25 Tahun UPSI dan Pelancaran Nombor Pendaftaran Kenderaan UPSI iaitu 'UG' yang bermaksud 'Universiti Guru' untuk mengimbuai kenangan terutama kepada Alumni Anak Kandung Suluh Budiman (SITC, MPSI, IPSI, UPSI).

Turut mengiringi baginda adalah YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad dan isterinya, YBhg. Datin Seri Aezer Zubin; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YABhg. Toh Puan Datin Seri Diraja Puan Sri Rasiah Mohd Noor, isteri kepada YBhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja; YBhg. Pro-Canselor UPSI, Tan Sri Dato' Alimuddin Mohd Dom dan isterinya, YBhg. Puan Sri Datin Hajah Mazlilah Ahmad Mansur; YBhg. Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Md. Amin Md. Taff dan isterinya, YBhg. Datin Pazilah Yahaya serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.

YAB Menteri Besar Perak dalam ucapannya berkata beliau sebagai Menteri Besar mahu melihat hubungan dengan UPSI sentiasa diperkukuh melalui jalinan kerjasama dalam memartabatkan lagi bidang pendidikan.

"Saya amat yakin dengan kepakaran yang dimiliki oleh pakar-pakar dari UPSI. UPSI membangunkan modul 3M (Membaca, Menulis, Mengira) dan berganding bahu bersama Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) melaksanakan Empower NCER Akademik Perak yang memajukan pendidikan anak-anak Perak termasuk kalangan anak-anak orang Asli. Tahniat dan terima kasih diucapkan.

"Saya juga yakin, graduan UPSI akan terus diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk berkhidmat di seluruh negara dalam pelbagai bidang pembelajaran.

Sumbangan UPSI membantu negara memperkasakan pendidikan negara termasuk Perak, akan terus terpahat utuh dalam lipatan sejarah," jelasnya lagi.



YAB PERDANA MENTERI LANCAR AUTOMOTIVE HI-TECH VALLEY

TANJUNG MALIM, 12 APRIL 2022- Pembangunan *Automotive High-Tech Valley* (AHTV) mampu menjadikan negara Malaysia sebagai hab pengeluar kenderaan elektrik dan pembekal komponen, bukan sahaja ke pasaran ASEAN, malah ke pasaran yang lebih luas lagi.

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berkata, pembangunan ini dilihat mampu menarik minat pelabur asing khususnya dari China dan negara lain kerana berpotensi memperkasakan ekosistem dunia automotif dalam satu kawasan yang besar.

"Jika di negara lain seperti Amerika Syarikat (AS) boleh bangga dengan Detroit, sebuah daerah yang terkenal dengan industri pembuatan keretanya tidak mustahil satu hari nanti Tanjung Malim akan dikenali sebagai hab permotoran yang hebat di rantau ini.

"Selain itu, Tanjung Malim bakal menyaksikan limpahan ekonomi daripada aktiviti projek pembangunan AHTV yang dijangka menjana sebanyak 370,000 peluang pekerjaan sepanjang pembinaan dan 160,000 peluang pekerjaan apabila beroperasi kelak."

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Pelancaran Automotive Hi-Tech Valley (AHTV) di Proton City, di sini.

Hadir sama, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Utama Raja Zafrul Tengku Abdul Aziz; YB Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong; Barisan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak; Pengerusi DRB-HICOM, Tan Sri Wanl Zulkiflee Wan Ariffin serta Pengarah Urusan Kumpulan DRB HICOM, Dato' Sri Syed Faisal Albar.

"AHTV juga disasarkan menjadi pusat rujukan Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) bagi teknologi berasaskan pematuhan iklim global dengan penubuhan universiti penyelidikan yang signifikan dengan industri ini.

"Secara tidak langsung pembangunan AHTV dapat memberi tumpuan kepada kemajuan kenderaan elektrik yang menjadi hala tuju masa depan industri automotif dengan memanfaatkan Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi mutakhir," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, pembangunan AHTV telah dicadangkan lebih 10 tahun lalu bagi memantapkan operasi pengilangan PROTON dari Shah Alam, Selangor ke Tanjung Malim, supaya lebih berpusat dan mampu meningkatkan produktiviti.

Diharapkan dengan pelancaran AHTV ini mampu menjadi penanda aras kepada satu lagi pembangunan negara yang berimpak tinggi dan memacu kejayaan negara secara holistik.



LENGGONG, 2 APRIL 2022 – Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri (SADC) Perak melalui anak syarikat Perak Agro Forestry Sdn Bhd (PAFSB) dalam perancangan untuk membangunkan projek tanaman durian melibatkan kawasan seluas 1,553 ekar di seluruh negeri Perak dengan kos peruntukan berjumlah RM44.41 juta.

Pelbagai jenis durian akan ditanam seperti Musang King, Duri Hitam dan D24.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata projek ini dijangka mengeluarkan hasil secara berperingkat menjelang tahun 2029.

"SADC Perak juga telah merancang untuk mengadakan usahasama pemasaran dan melihat kewajaran bagi membangunkan kilang pemprosesan durian yang mampu untuk memproses durian sejuk beku, pulpa durian beku dan pes.

"Hasil produk ini dilihat berpotensi dipasarkan untuk pasaran domestik serta dieksport ke China dan beberapa buah negara yang lain," beliau berkata demikian kepada pemberita semasa menyempurnakan Majlis Perasmian Penanaman Pertama Projek Penanaman Durian Perak SADC di Ladang Ayer Kala, Lenggong.

Beliau yang turut merangkap sebagai Pengerusi SADC Perak berkata lagi, ladang ini bakal dilengkapi dengan *smart irrigation system* yang berfungsi bagi memastikan aspek pengurusan pengairan anak pokok durian dapat diseragamkan dan dikawal secara sistematik.

PERAK MENGORAK LANGKAH UNTUK MENJADI HUB Pengeluaran Durian utama di Malaysia

"Penggunaan teknologi seumpama ini juga bukan sahaja menjadi kunci kepada kejayaan tanaman durian bahkan ia memberi manfaat dalam mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh," jelasnya lagi.

Hadir sama, YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda, Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi; YB Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan, Tuan Haji Razman bin Zakari; YDH. Toh Shahbandar Ulu Dato' Haji Mohd. Tarmizi bin Haji Idris merangkap YB ADUN Kenering dan YB Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah.

Dalam perkembangan sama, YAB Menteri Besar Perak turut merasmikan Majlis Pecah Tanah dan Penetapan Kiblat Masjid Kampung Ulu Kenderong di Maahad Tahfiz Kemukjizatan Al-Quran Pondok Air Jernih, Gerik.

"Kerajaan negeri akan kekal komited dalam program-program memperkasakan institusi-institusi Islam termasuk maahad tahfiz atas peranan penting melahirkan umat Islam yang kukuh pendirian, mempunyai kekuatan akhlak dan prinsip moral yang menangkis pelbagai cabaran yang semakin rencam," ujar beliau dalam ucapannya ketika majlis perasmian tersebut.





BAZAR NIAGA RAMADAN

@Bangunan Perak Darul Ridzuan

IPOH, 6 APRIL 2022- Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak buat julung kalinya telah menganjurkan Bazar Niaga Ramadan yang diadakan di ruangan parkir Bangunan Perak Darul Ridzuan mulai 6 April 2022 sehingga 29 April 2022.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, Kerajaan Negeri Perak mengambil inisiatif itu bagi memberi peluang lebih ramai peniaga untuk menjalankan perniagaan di bulan Ramadan.

"Penganjuran Bazar Niaga Ramadan ini dilaksanakan setelah mengambil berat isu-isu berbangkit berikutan kekangan jumlah had peniaga yang dibenarkan beroperasi di atas tapak sedia ada susulan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

"Diharapkan ruang dan peluang yang telah diberikan kepada para peniaga atau usahawan ini mampu merancakkan pusingan ekonomi serta meningkatkan hasil jualan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Bazar Niaga Ramadan @ Bangunan Perak Darul Ridzuan di ruang parkir Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan serta Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, penganjuran ini juga mendapat kerjasama daripada Maybank dan LokeinSTORE, selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk memantapkan pendigitalan usahawan negeri Perak serta pelaksanaan pembayaran tanpa tunai (cashless).

"Pihak Maybank telah menyediakan platform pembayaran QR dan kemudahan pembukaan akaun perniagaan kepada peniaga terlibat dengan deposit serendah RM100.

"Selain itu, pihak LokeinSTORE turut menyediakan teknologi sistem e-Commerce (O2O) Lokein yang dilengkapi dengan sistem pembayaran QR, *Online Marketing Tools* dan pelbagai lagi kemudahan berkaitan pengkalan data pelanggan," katanya lagi.

Dalam perkembangan sama, penganjuran bazar oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak itu merupakan usaha sama Sekretariat Pembangunan Usahawan Negeri Perak (STeP) dan akan beroperasi mulai jam 4.00 petang sehingga 8.00 malam pada setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad.

Seramai 32 orang usahawan membuka gerai yang menjual pelbagai jenis makanan dan minuman serta aneka kuih muih untuk juadah berbuka puasa.





PERAK NEGERI PERTAMA LANCAR

Dasar Pembangunan Sukan OKU

IPOH, 6 APRIL 2022 – Sebanyak RM700,000 diperuntukkan oleh kerajaan negeri kepada Majlis Sukan Negeri Perak untuk melaksanakan Dasar Pembangunan Sukan Orang Kurang Upaya (OKU) sekali gus muncul sebagai negeri pertama melaksanakan dasar itu.

Menurut YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad, dasar ini melibatkan enam strategi iaitu memperkukuhkan struktur pentadbiran atlet para negeri Perak dan memperkasakan program pembangunan atlet para.

Strategi ketiga adalah memantapkan sistem kejurulatihan dan kepegawaian serta pelaksanaan penganjuran dan penyertaan kejohanan.

Seterusnya, menyediakan kemudahan dan fasiliti sukan serta meningkatkan kerjasama strategik antara agensi.

Beliau berharap usaha ini dapat menyediakan fasiliti yang lebih kondusif untuk pembangunan sukan bagi golongan OKU.

"Ada sebahagian daripada fasiliti-fasiliti sukan kita kelihatan tidak mesra OKU, jika kita nak buat fasiliti yang berasingan, ia akan menambah perbelanjaan. Maka, kita gunakan pendekatan ini iaitu di tempat yang sama, kita turut menyediakan fasiliti yang mesra kepada OKU," jelasnya lagi kepada pemberita semasa merasmikan pelancaran dasar tersebut.

Pada masa sama, turut berlangsung Pelancaran Program Belia Perak Bertadarus. YAB Menteri Besar Perak berkata, sebanyak 18 Majlis Belia Daerah di seluruh negeri terlibat dalam program ini.

"Kemuncaknya adalah Majlis Khatam Al-Quran yang mengumpulkan seramai 180 peserta tadarus di setiap peringkat Majlis Belia Daerah," ujar beliau ketika berucap semasa merasmikan program tersebut.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, Encik Khairul Shahril Mohamed; Ahli Dewan Undangan (ADUN) Trong, YB Jamilah Zakaria yang juga merangkap sebagai Speaker Dewan Belia; Timbalan Pengarah MSN Perak, Tuan Haji Mazlan Mohamad dan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Encik Mohd Soufi Mohd Ibrahim.



HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 2/2022

IPOH, 12 APRIL 2022 – Kerajaan negeri termasuk jabatan dan agensi terus komited membantu rakyat dalam menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi pada Program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 2 Tahun 2022.

Menurut YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad, akhirnya program ini dapat diteruskan lagi setelah terpaksa ditangguhkan berikutan kes COVID-19 yang membimbangkan ketika itu.

"Setelah kita memulakan program ini pada bulan Februari yang lalu dan sepatutnya diteruskan pada hari Selasa minggu kedua setiap bulan tetapi kita terpaksa menangguhkannya pada bulan Mac kerana kes COVID-19 yang sedang meningkat.

"Kini, kita dapat teruskannya kembali setelah Majlis Keselamatan Negara (MKN) membawa kita ke fasa endemik," jelas beliau ketika ditemui pemberita selepas berlangsungnya program ini di Stadium Indera Mulia.

Menurut beliau lagi, program ini mendapat sambutan yang menggalakkan walaupun di bulan Ramadan.

"Rekod kita pada hari ini adalah seramai 468 orang pengunjung. Daripada jumlah itu, sebanyak 169 aduan diterima.

"Program ini turut melibatkan 109 kaunter khidmat pelanggan serta 20 reruai atau 'booth' pameran dan 5 perkhidmatan kaunter bergerak," katanya.

Antara aduan yang diterima oleh pihaknya adalah berkaitan dengan hal tanah dan masalah banjir yang sering berlaku di sesetengah kawasan.

"Kami telah sedaya upaya untuk membantu rakyat yang hadir dari seluruh pelosok negeri Perak dan ada antaranya tidak tahu untuk berhubung dengan siapa bagi mengadu masalah maka kami bantu mereka untuk menyalurkan aduan pada pihak berkaitan," ujarnya.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) serta semua ketua jabatan.



Kunjungan Hormat YB MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

IPOH, 15 APRIL 2022- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad telah menerima kunjungan hormat rasmi daripada YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan bersama delegasinya di Pejabat Menteri Besar, di sini.

Dalam kunjungan hormat itu, sebuah sesi taklimat telah diadakan bagi membincangkan SOP NR-REE di negeri Perak dan turut membincangkan mengenai status tapak Projek Perintis NR-REE di Mukim Kenering.

Penyediaan SOP NR-REE Negeri Perak adalah usaha penting kerajaan dalam memastikan pelaksanaan aktiviti perlombongan NR-REE diusahakan secara bertanggungjawab dan mampan.

Menerusi SOP ini juga, pembangunan NR-REE dapat dikawal selia secara menyeluruh agar alam sekitar dan kesejahteraan rakyat sentiasa dipelihara.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Encik Mohd Akmal Kamarudin serta YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Zurinah Pawanteh.

Dalam perkembangan sama, YB Takiyuddin Hassan berkesempatan untuk menyampaikan Sijil Perakuan Pengiktirafan Geopark Kebangsaan Lenggong kepada YAB Dato' Seri Saarani Mohamad.

Pengiktirafan Lenggong sebagai Geopark Kebangsaan telah disempurnakan pada 16 Disember 2021 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan Tahun 2021 dan merupakan sesuatu yang dinantikan oleh warga Perak Darul Ridzuan khususnya penduduk Lenggong.

Kerajaan Negeri Agih 13,000 KOTAK JUADAH RAYA HARGAI PETUGAS SEMPERA AIDILFITRI



IPOH, 20 APRIL 2022 – Kerajaan negeri meneruskan tradisi pengagihan sumbangan juadah raya berjumlah 13,000 kotak juadah raya kepada 18 pasukan keselamatan dan beruniform sempena kedatangan Syawal tahun ini.

Majlis penyerahan yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan ini disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad.

Beliau dalam ucapannya menghargai jasa dan pengorbanan seluruh anggota barisan hadapan yang telah berjuang tidak kira masa termasuklah ketika negara berhadapan dengan ancaman COVID-19.

"Sumbangan ini adalah supaya anggota yang bertugas pada hari raya tidaklah berasa terlalu sedih. Mereka juga dapat merasai kuih raya, ketupat dan rendang sama seperti orang lain ketika beraya," jelasnya.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan YDH Ketua Polis Perak, Dato' Pahlawan Mior Faridaltrash Wahid.

Pengagihan kotak juadah raya ini membabitkan pasukan badan beruniform antaranya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pusat Koreksional Kamunting, Penjara Tapah, Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, 69 Komando Pasukan Gerakan Khas, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Pasukan Polis Marin, Pejabat Pengarah Penjara Perak (PAROL), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan PULAPEN.

Terdahulu, kerja pembungkusan telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Seri Aezer Zubin, isteri kepada YAB Menteri Besar Perak yang dibantu oleh 304 orang petugas yang terdiri daripada kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, BAIDURI, PUSPANITA, BAKAT (Laut), BAKAT (Darat), BAKAT (Udara), PERKEP Kontinjen IPK Perak, PERKEP Briged Utara Perak, Persatuan Wanita Prihatin, PERISMA, Pasukan 2 Briged dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Barangan yang dibekalkan di dalam kotak juadah raya adalah rendang tok, serunding, kuah kacang, ketupat nasi dan kopi.





Kerajaan Negeri Cakna **MAHASISWA PERAK** Peruntuk **16.4 JUTA**

IPOH, 17 MEI 2022- Kerajaan negeri sentiasa cakna mengenai mahasiswa anak negeri Perak dengan memperuntukkan sejumlah RM 16.4 Juta bagi menyokong pembangunan mereka khususnya dalam aspek kebajikan.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, ia meliputi RM 0.6 juta bagi Program Sara Diri dan Kecemasan Mahasiswa serta RM 0.4 juta pula diperuntukkan dibawah Program Pengupayaan Mahasiswa yang dikendalikan oleh Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia.

"Selain itu, dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), kerajaan negeri juga turut memperuntukkan sejumlah RM 1 Juta dibawah inisiatif bantuan *One-Off* kepada mahasiswa anak negeri Perak.

"Jumlah pemberian tersebut telah dinaikkan daripada RM 150.00 sebelum ini kepada RM 200.00 bagi tahun 2022 yang akan memberi manfaat kepada 5,000 mahasiswa khususnya dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Sesi Dialog YAB Menteri Besar Perak dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia Negeri pada Program Mesra 3.0 Bersama Mahasiswa Perak di Laman Seri Ridzuan.

Hadir sama, Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, YB Dato' Mohammad Zahir Dato' Abdul Khalid dan YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia Negeri, Encik Ahmad Saidi Mohamad Daud serta YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia Negeri, Encik Khairul Shahril Mohamed.

Ujar YAB Dato' Seri Saarani Mohamad lagi, memahami isu pengangguran dalam kalangan graduan, kerajaan negeri melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) turut memperkenalkan program Perak Employability Training Scheme (PERINTIS).

"Kita memberi fokus kepada para graduan yang telah menganggur melebihi dua tahun untuk menjalani latihan semula (*Reskill*) selama 6 bulan samada sektor swasta, GLC, agensi- agensi milikan kerajaan negeri mahupun di jabatan-jabatan kerajaan.

"Selain itu, program tersebut dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri di mana elaun sebanyak RM 1,000.00 diperuntukkan sepanjang tempoh latihan dijalankan," ujarinya lagi.

Dalam perkembangan sama, Program Mesra 3.0 bersama Mahasiswa Perak tersebut melibatkan seramai 400 orang mahasiswa dari pelbagai universiti dan kolej di seluruh negeri Perak.

Pada majlis itu juga, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad berkesempatan untuk merasmikan Program Jelajah Kerjaya Kampus (IEJAK) dan Sukarelawan Siswa Perak (SuSIP) Gerakan Mahasiswa Perak.



Persidangan JPPIK 56 KALI KE-56 MAJLIS RAJA-RAJA 2022 AKAN DIADAKAN DI PERAK

KUALA KANGSAR, 18 MEI 2022- Persidangan Jawatankuasa Penyelaras Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK) Kali Ke-56 Majlis Raja-Raja 2022 akan diadakan di sekitar Kuala Kangsar, Perak bermula 18 Mei 2022 sehingga 20 Mei 2022.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad berkata Kerajaan Negeri Perak mengalu-alukan kehadiran JPPIK dan persidangan kali ini sekali lagi akan menjadi bukti wujudnya kerjasama dan komitmen dalam usaha memperkasakan Pendidikan Islam di negara kita.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Makan Malam Ahli JPPIK Bersama YAB Menteri Besar Perak di Lanai Casuarina, Kuala Kangsar.

"Saya mendoakan mudah-mudahan, persidangan kali ini berjalan dengan lancar seperti yang dirancang serta menjadi wadah penting melahirkan idea-idea segar dalam memartabatkan syiar Islam di negara kita," tambahnya lagi.

Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia, Encik Ahmad Saidi Mohamad Daud; YABhg Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir Wan Hussain; YBhg. Ketua Pengarah Jakim, Datuk Hajah Hakimah Mohd Yusoff; YBhg. Pengerusi JPPIK, Profesor Emeritus Tan Sri Dr Mohd Kamal Hassan; Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Dato' Haji Mohd Yusop Haji Husin; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, Tuan Shahrul Azam Shaari dan Ketua Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak, Tuan Mohd Asri Mohamad Ghazali.





YAB MENTERI BESAR PERAK HADIR KE

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022

**JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PERAK**



IPOH, 18 MEI 2022- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad bersama isteri, YABhg. Datin Seri Aezer Zubin, hari ini hadir ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 Jabatan Perhutanan Negeri Perak di Taman Eko Rimba Kledang Saiong, Meru.

Kehadiran YAB Dato' Seri Saarani Mohamad pada kira-kira 3.00 petang disambut oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perak, Dato' Mohamed Zin Yusop.

Antara tetamu yang turut hadir memeriahkan majlis itu ialah YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak dan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perak, Puan Norsiyenti Othman.

YAB Dato' Seri Saarani Mohamad yang segak memakai baju batik hijau turut meluangkan masa menyantuni kira-kira 500 orang tetamu dan melawat 10 reruai juadah makanan yang telah disediakan.





PERSATUAN PESARA KERAJAAN MALAYSIA MENERIMA SUMBANGAN RM140,000 DARI KERAJAAN NEGERI



IPOH, 28 MEI 2022- Kerajaan negeri memberi sumbangan RM140,000 kepada Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) Perak.

YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad memaklumkan perkara itu dalam ucapannya semasa merasmikan Mesyuarat Agong Perwakilan ke-35 Tahun 2022 PPKM di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

"Kita telah bersetuju untuk memberi sumbangan sebanyak RM50,000 kepada PPKM untuk tahun ini. Tetapi, oleh kerana ada 9 cawangan di Perak, jadi kita beri lagi setiap cawangan RM10,000. Maka, keseluruhannya adalah RM140,000.

"Mudah-mudahan ia dapat digunakan untuk aktiviti beriadah dan penganjuran program-program yang bermanfaat untuk mengisi usia persaraan ini," katanya semasa berucap di majlis itu.

Beliau juga yakin bahawa ahli-ahli persatuan ini telah sedaya upaya mencurahkan bakti dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat sepanjang berkhidmat dalam kerajaan.

Majlis yang bermula kira-kira jam 3.00 petang tadi turut dihadiri oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Puan Halizah Sipun; Yang Dipertua Negeri PPKM Perak, Dato' Haji Mohamed Hamzah dan Setiausaha Kehormat PPKM Perak, Hajah Nooriah Ibrahim.

Dato' Haji Mohamed Hamzah semasa berucap turut berkongsi sedikit sebanyak mengenai persatuan ini kepada para tetamu yang hadir.

"Persatuan ini telah ditubuhkan sejak 50 tahun yang lalu. Ia terdiri daripada peringkat kebangsaan, negeri dan daerah-daerah. Di Perak, kami mempunyai 9 cawangan. Bagi daerah Muallim dan Batang Padang, ia bergabung menjadi satu cawangan. Begitu juga untuk daerah Kinta dan Kampar serta Hilir Perak dan Bagan Datuk.

"Kami amat berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana sentiasa prihatin terhadap persatuan ini dan kami akan terus berusaha menabur bakti kepada masyarakat," katanya di sini.





IPOH, 15 JUN 2022- Pelan Perak Sejahtera 2030 menggariskan enam agenda yang mencerminkan aspirasi rakyat dari segi kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan dengan misi 'memacu pembangunan sosioekonomi yang mapan, inklusif dan dinamik'.

Majlis Pelancaran Pelan Perak Sejahtera 2030 telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad di Hotel Kinta Riverfront, petang tadi.

Menurut YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, agenda pertama adalah jaminan sekuriti makanan. Agenda ini memberi tumpuan kepada bidang pertanian bagi pengeluaran hasil makanan yang berskala besar.

Agenda kedua pula adalah ekonomi digital. Beliau berkata, potensi perniagaan menggunakan teknologi internet di Malaysia adalah sebanyak 31 billion USD pada tahun 2025. Perak memeta perancangan untuk memantapkan infrastruktur digital bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam ekonomi digital, selain memacu inovasi dan adaptasi teknologi.

Tambahnya lagi, agenda ketiga dan keempat adalah pembuatan keputusan berpacuan data dan koridor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Malaysia.

"Analisa data raya melibatkan sistem integrasi data dan analisis daripada jabatan serta agensi-agensi lain akan diperkukuh. Ini penting untuk mewujudkan kolaborasi antara agensi dalam perkongsian maklumat dan keputusan.

"Perak juga akan menjadi hab pendidikan teknikal di lima daerah iaitu Perak Tengah, Kinta, Manjung, Larut Matang dan Selama serta Kuala Kangsar," jelasnya mengenai dua agenda tersebut.

Seterusnya adalah perlombongan lestari yang turut menggariskan komitmen kerajaan negeri mengamalkan perlombongan secara bertanggungjawab dan mampan melalui pendekatan baik pulih bekas tapak perlombongan setelah perlombongan tamat.

Yang terakhir adalah tadbir urus projek berkepentingan negeri. Beliau mengulas lanjut, ekonomi yang berkelestarian mesti didorong oleh prinsip ketelusan dan kecekapan tadbir urus.

"Penilaian dan penyelarasan projek harus melalui ketelitian yang wajar bagi memastikan projek pembangunan negeri dianugerahkan kepada yang berkelayakan sekali gus memberi keyakinan kepada pelabur," katanya semasa berucap di majlis tersebut.

Hadir sama, YBhg. Datin Seri Aezer Zubin, isteri kepada YAB Menteri Besar Perak; Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, YB Dato' Mohammad Zahir Abdul Khalid; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan; Ketua Pegawai Eksekutif Institut Darul Ridzuan (IDR), Dr. Maisarah Ahmad serta barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.



**PELAN
2030
PERAK
SEJAHTERA**



**TUMPU KEPADA ENAM
AGENDA ASPIRASI RAKYAT**



IPOH, 16 JUN 2022- YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad telah menerima kunjungan hormat Duta-Duta Negara Amerika Latin dan Caribbean (GRULAC) kira-kira jam 10.30 pagi di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini.

Sesi kunjungan hormat itu dimulakan dengan acara sesi tayangan montaj mengalukan ketibaan para delegasi serta ucapan aluan daripada YAB Dato' Seri Saarani Mohamad disusuli dengan ucapan balas dari Duta Negara Amerika Latin dan Caribbean (GRULAC) ke Malaysia.

Antara yang hadir dalam sesi tersebut adalah YB Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, Dato' Mohammad Zahir Abdul Khalid; YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan serta Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sesi tersebut telah diakhiri dengan perbincangan, perkongsian pendapat antara kedua-dua pihak serta sesi penyampaian cenderamata.


Dalam perkembangan sama, sesi kunjungan hormat tersebut merupakan salah satu program di bawah lawatan kerja Duta-Duta Negara Amerika Latin dan Caribbean (GRULAC) ke negeri Perak Darul Ridzuan yang bermula pada 15 Jun sehingga 17 Jun.

Antara negara yang terlibat dalam lawatan kerja tersebut adalah Argentina, Brazil, Chile, Cuba dan Peru.

Selain sesi kunjungan hormat itu, para delegasi turut berkesempatan untuk menghadiri sesi sembah menghadap DYMM Paduka Seri Sultan Perak, lawatan ke Hoga Gaharu Tea Valley, Lumut Port serta Vale Malaysia Mineral Sdn. Bhd.



Kunjung Hormat **DOTA-DUTA NEGARA AMERIKA LATIN DAN CARIBBEAN (GRULAC) KE NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**





IPOH, 15 JUN 2022- Lawatan Kerja Pasangan bagi Duta Negara Amerika Latin dan Caribbean (GRULAC) ke Negeri Perak Darul Ridzuan dimulakan dengan lawatan ke Persatuan DAYBREAK untuk Kebajikan Orang-Orang Cacat.

Lawatan kerja itu melibatkan pasangan kepada Duta Chile, Dr. R.A Ambara Baratawidjaja, pasangan kepada Duta Cuba, Madame Saimi Reyes Carmona dan pasangan kepada Duta Peru, Madame Sandra Isabel Massieu De Morote.

Pengerusinya, Puan Sri Dato' Sandra Lee berkata beliau amat berbesar hati atas kedatangan pasangan-pasangan duta GRULAC dan berpeluang untuk berkongsi sedikit sebanyak mengenai tujuan serta matlamat persatuan ini.

"Persatuan DAYBREAK ini memberi fokus dalam memperkasakan Orang Kelainan Upaya (OKU) menjadi individu yang mampu melaksanakan segalanya secara sendiri, bebas dan boleh bergaul baik bersama masyarakat.

"Kami melatih para pelajar kami dalam pelbagai bidang seperti kraftangan, pertanian, pembuatan sarung kaki, pemasangan dan pembungkusan serta pembersihan am," jelasnya semasa sesi lawatan tersebut.

Lawatan Kerja Pasangan bagi **DUTA AMERIKA LATIN AND CARIBBEAN** KE NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Turut hadir, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Perak, Puan Nor Tipah Majin dan Pengarah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW), Puan Srihartini Mohamed Shamsudin.

Kemudiannya, delegasi meneruskan perjalanan ke Hotel Weil bagi jamuan makan tengah hari dan penyampaian cenderamata kepada para pasangan.

Hadir sama, YBhg. Datin Aznee Abu Samah, isteri kepada Yang Dipertua Dewan Negeri Perak dan YBhg. Pengerusi Biro Kerohanian dan Kebajikan, Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA), Datin Nor Amizan Kamarudin.



IPOH, 12 MEI 2022- Kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) sama sekali tidak pernah mengabaikan bekas atlet yang telah mengharumkan nama negeri Perak.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Komunikasi Negeri, Encik Khairul Shahril Mohamed berkata kerajaan negeri amat mengambil berat akan nasib bekas-bekas atlet negeri kita yang telah banyak berjasa.

"Kita akan cuba memberi bantuan yang sebaiknya kepada bekas atlet yang menghadapi kesukaran hidup.

"Banyak kali sudah saya tekankan kepada semua pihak jika mereka mempunyai maklumat berkaitan kesusahan yang dihadapi oleh bekas atlet kita, kongsi bersama kita agar tidak terlepas pandang permasalahan yang dihadapi oleh mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Cek Bantuan Sumbangan Bekas Atlet Perak di RPT Buntong 8, di sini.

Dalam majlis tersebut, YB Encik Khairul Shahril Mohamed telah menyampai cek bantuan sumbangan kepada Encik Magilarasan A/L Mirah yang merupakan bekas atlet olahraga jalan kaki dan pernah mewakili negeri Perak di SUKMA pada tahun 1986-1988.

Beliau yang juga merupakan kakitangan di Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dari tahun 1989 telah menghadapi masalah penyakit diabetes dan kakinya telah dipotong.

Ujar YB Encik Khairul Shahril Mohamed lagi, diingatkan kepada atlet-atlet baru agar bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan.

"Kita tahu khidmat seseorang atlet mungkin akan tamat apabila umur mereka sudah melangkaui 30 tahun ke atas, oleh itu mereka perlu bersedia memikirkan persediaan bagi menghadapi fasa tersebut.

"Pada fasa tersebut, atlet-atlet perlu memikirkan jalan terbaik untuk membantu diri mereka sebagai contoh mengambil lesen kejurulatihan, melakukan perniagaan berdasarkan kepakaran mereka dan lain-lain," ujarnya lagi.

Hadir sama dalam majlis tersebut, YBrs. Pengarah Majlis Sukan Negeri, Encik Mazlan Haji Mohamad dan YBrs Setiausaha Bandaraya MBI, Encik Ahmad Munir Ishak.

Kerajaan Negeri Santuni BEKAS ATLET





Program MESRA JULUNG KALI DIADAKAN KHAS BAGI GOLONGAN WANITA

IPOH, 14 JUN 2022- Program Menteri Besar Perak Bersama Rakyat (MESRA) julung kali diadakan khas bagi golongan wanita yang mempunyai peranan penting untuk mencorakkan masa hadapan.

YBhg. Datin Seri Aezer Zubin, isteri kepada YAB Menteri Besar Perak telah merasmikan Majlis Penutup *Executive Talk* 'Wanita Inspirasi Keluarga sempena Karnival MESRA KAWAN Wanita Perak pada tahun 2022' di Laman Seri Ridzuan, petang tadi.

"Kata-kata hikmah seperti 'tangan yang menghayun buaian boleh menggoncang dunia' dan ibu adalah sekolah' menunjukkan betapa besarnya peranan dan pengaruh seorang wanita dalam masyarakat kita.

"Sebagai wanita, kita perlu menjadi inspirasi dan idola kepada keluarga kita yang akan mencorakkan pemimpin masa hadapan untuk negara ini," jelasnya semasa memberi ucapan di majlis itu. Terdahulu, majlis itu diserikan dengan sesi perkongsian ilmu oleh penceramah terkenal, YBhg. Dato' Dr Mashitah Ibrahim.

Kemudiannya, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani Mohamad turut bersama mengadakan sesi forum bersama para hadirin mengenai pentingnya peranan wanita untuk membangunkan setiap dasar yang dilancarkan di negeri Perak.

"Di hadapan saya ini berkumpulnya wanita-wanita yang bertungkus-lumus sebagai seorang isteri, ibu serta bekerjaya yang membangunkan modal insan seterusnya bekerjasama untuk mencapai matlamat dasar di negeri ini. Tanpa wanita, saya tidak dapat melakukan tugas ini sendirian," katanya ketika sesi forum itu.

Sebelum mengakhiri karnival tersebut, YAB Dato' Seri Saarani Mohamad menyampaikan sumbangan kepada persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang sentiasa membantu dan menyokong golongan wanita.

Hadir sama, YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan NGO Negeri, Datuk Dr. Wan Norashikin Wan Noordin; YBhg. Datin Aznee Abu Samah, isteri kepada Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, serta Pengarah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW), Puan Srihartini Mohamed Shamsudin.



IPOH, 28 JUN 2022- Bandar raya Ipoh telah menjadi lokasi pertama di negeri Perak yang menggunakan sistem lampu isyarat pintar (STARS) yang dilengkapi dengan keupayaan kecerdasan buatan (AI) bagi membantu kelancaran aliran trafik pada waktu puncak.

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, Encik Khairul Shahril Mohamed berkata, STARS dilengkapi kamera AI berdefinisi tinggi dan analitik video bagi membolehkan analisis trafik secara pintar berlaku untuk memastikan kelancaran trafik yang optimum.

"Perkhidmatan STARS ini merupakan hasil kerjasama antara Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Telekom Malaysia Berhad (TM) yang sudah mula beroperasi sejak November tahun lalu.

"Kita telah bercadang untuk melaksanakan pemasangan lampu isyarat pintar itu di beberapa lokasi sekitar negeri Perak pada masa akan datang memandangkan ia akan memberi kesan besar dalam mengurangkan kadar pengeluaran karbon sebanyak 7,500 kilogram sebulan selaras dengan hasrat MBI menjadikan Ipoh bandar raya rendah karbon," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Ipoh Integrated Operation Centre (IIOC) & 5G di Pusat Tranformasi Bandar (UTC) Perak di sini.

Hadir sama, YBhg. Datuk Bandar Ipoh, Dato' Rumaizi Baharin dan Naib Presiden Jualan mewakili TM One, Encik Mohamed Faisal Naina Mohamed.

Ujar YB Encik Khairul Shahril Mohamed lagi, bagi peringkat awal sebanyak empat persimpangan dipasang dengan sistem tersebut.

"Antara empat lokasi tersebut adalah persimpangan Jalan Sultan Idris Shah dan Jalan Laksamana; persimpangan Jalan Sultan Idris Shah dan Jalan Datuk Onn Jaafar; persimpangan Jalan Sultan Idris Shah dan Jalan Raja Musa Aziz; dan persimpangan Jalan Sultan Idris Shah dan Jalan Raja Ekram.

"Secara tidak langsung, dengan menggunakan sistem STARS ini, kita dapat melancarkan aliran trafik sehingga 51 peratus serta menjimatkan masa dan kos bagi pengguna jalan raya"ujarnya lagi.

Terdahulu, YB Encik Khairul Shahril Mohamed berkesempatan untuk menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Langgahan Perkhidmatan antara MBI dan TM.





Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 dan Sanjungan Budi Semarak Kasih

SEMPENA PERSARAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

IPOH, 28 JUN 2022- Seramai tujuh orang kakitangan Pejabat Kewangan Negeri Perak dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2021.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan yang diadakan di Hotel Impiana, di sini.

YB Dato' Zulazlan Abu Hassan dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada penerima dan berharap agar kejayaan tersebut dapat diteruskan serta produktiviti ditingkatkan oleh kakitangan yang lain.

"Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada penerima-penerima yang diraikan pada hari ini.

"Bagi yang tidak menerima anugerah ini, saya berharap agar mereka dapat meningkatkan produktiviti dan saya percaya mereka mampu untuk menerima anugerah perkhidmatan cemerlang pada tahun-tahun yang mendatang", katanya.

Turut hadir dalam majlis tersebut, YBrs. Bendahari Negeri, Encik Megat Amirul Zaini Jamalullail Megat Jamaludin serta YBrs. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, Cik Aida Hazlyn Hassan.

Selepas sesi penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 Pejabat Kewangan Negeri Perak, majlis diteruskan lagi dengan Majlis Sanjungan Budi Semarak Kasih sempena persaraan YB Pegawai Kewangan Negeri.

Majlis tersebut bertujuan bagi menghargai segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh YB Dato' Zulazlan Abu Hasan dalam hal-hal berkaitan kewangan negeri.



IPOH, 14 APRIL 2022- Keterlibatan ahli Kelab Seri Perak Darul Ridzuan (KESEDAR) dalam pelbagai program yang dilaksanakan dapat mengeratkan lagi silaturahim sesama ahli selain memperkasakan keperibadian yang baik dari aspek sudut pandang, kesihatan mahupun jiwa insani.

Yang Dipertua KESEDAR, YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim berkata, gunakan peluang yang ada sebagai satu inisiatif untuk mengalihkan sejenak perhatian daripada tugas hakiki di pejabat.

"Moga-moga ia mampu membantu dalam pengurusan tekanan dan kesihatan secara menyeluruh, terutamanya dalam mengadaptasi norma baharu penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Selain itu, cabaran untuk aktif berpersatuan tanpa mengganggu prestasi tugas hakiki bolehlah diibaratkan seperti meredah ombak badai di lautan luas kerana di dalam mengemudi sebuah kapal yang besar, aspirasi dan inspirasi sang nakhoda perlulah sama difahami seluruh warga kapal dan disusuli pelaksanaan bersungguh dan berterusan dari segenap anak kapal," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan perutusan sempena Mesyuarat Agung KESEDAR Kali Ke-26 di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Hadir sama, Naib Yang Dipertua KESEDAR, YBhg. Dato' Norsham Rahman dan YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Puan Halizah Sipun.

Ujar YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim lagi, diharapkan seluruh ahli KESEDAR dapat duduk bersama dalam melakukan perancangan dan menggerakkan semua daya dalam menjayakan setiap matlamat program yang dirangka.

"Semua ahli punya peranan besar untuk dilaksanakan, maka terlibatlah dengan penuh jiwa, dan bersinng lenganlah bersama, agar hasilnya nanti dapat juga kita tuai bersama.

"Dari pemerhatian saya, program-program yang telah dilaksanakan sebelum ini ternyata banyak memberi impak positif dan memenuhi objektif untuk memupuk semangat persahabatan dan persefahaman di antara ahli-ahli tanpa mengira pangkat.

"Sehubungan itu, segala hasrat, perancangan dan aktiviti anjuran KESEDAR selepas ini haruslah berdaya saing dan bercitrakan kreativiti dan inovasi agar dapat menjadi platform setiap ahli terus mempertingkatkan ilmu dan keupayaan diri masing-masing," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, kemeriahan Mesyuarat Agung KESEDAR Kali Ke-26 tetap dirasai walaupun diadakan semasa Bulan Ramadan.

Dengan sambutan yang baik daripada kalangan ahli-ahli KESEDAR, majlis turut diserikan lagi dengan acara cabutan bertuah kepada ahli yang hadir pada mesyuarat tersebut.



KUNJUNG HORMAT DELAGASI IDFR KEMENTERIAN LUAR NEGERI KE SUK PERAK

IPOH, 13 MEI 2022- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perak telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri di Bangunan Perak Darul Ridzuan, hari ini.

Lawatan ini melibatkan seramai 21 orang peserta kursus dan 10 orang pegawai pengiring. Kunjungan itu telah disambut oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim dan YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Puan Halizah Sipun.

Hadir sama, YBrs. Pengarah Pusat Pemerkasaan Kompetensi (CEC), Puan Norli Muadza Mohd Noor.

Menurut YB Setiausaha Kerajaan Negeri, beliau amat berterima kasih kerana IDFR telah memilih SUK Perak untuk menyempurnakan tugas matlamat program Diploma in Diplomacy (DiD) bagi sesi 1/2022 bermula pada 14 Februari hingga 24 Jun 2022.

"Berbekalkan pengalaman di dalam karier perkhidmatan saya, saya sangat mengesyorkan para Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang bakal bertugas di luar negara supaya dapat memahami dan menyelami keunikan serta keindahan bagi setiap negeri agar dapat menjadi duta kecil untuk Malaysia," ujarnya semasa memberikan ucapan alu-aluan.

Kunjung hormat ini diteruskan lagi dengan sesi pembentangan dan soal jawab oleh YBrs. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Puan Halizah Sipun.

Fokus utama bagi sesi pembentangan ini adalah mempromosi dan mengetengahkan budaya dan tradisi negeri Perak di mata dunia.

Kunjung hormat ini diakhiri dengan pertukaran cenderamata oleh kedua-dua belah pihak.



Taman Eko Rimba KLEDANG SAIONG

LOKASI EKO-PELANCONGAN KAYA KEHIJAUAN ALAM

Terletak di Daerah Kinta, berkeluasan sebesar 2,188 hektar dengan jarak 5 kilometer daripada Bandaraya Ipoh tersimpannya sebuah lokasi eko-pelancongan yang kaya dengan kehijauan alam.

Taman Eko Rimba Kledang Saiong merupakan sebuah lokasi yang wajib dilawati dan menjadi pilihan keluarga untuk meluangkan masa bersama.

Bagi yang ingin menjadikan Taman Eko Rimba Kledang Saiong sebagai destinasi riadah hujung minggu, anda tidak perlu risau kerana di sana terdapat pelbagai kemudahan asas yang disediakan antaranya tempat letak kereta, tandas, tempat persalinan, cafeteria, kawasan BBQ, laluan pejalan kaki, laluan berbasikal, surau dan banyak lagi.

Selain itu, apa yang lebih menarik di sana adalah Taman Nepenthes atau Taman Periuk Kera yang merupakan tempat pemuliharaan dan pemeliharaan periuk kera dan mempunyai lebih kurang 77 spesies periuk kera untuk anda kenal dan pelajari.

Di sana, terdapat juga sungai yang menjadi pilihan keluarga untuk berkelah, ditemani bunyi kicauan burung, unggas dan kejernihan air sungai sudah pasti anda dapat melepaskan tekanan selepas seharian bekerja.

Tidak lupa juga, Taman Eko Rimba Kledang Saiong mengenakan yuran kemasukan sebanyak RM 2.00 bagi dewasa, RM 1.00 bagi kanak-kanak, RM 5.00 bagi bukan warganegara serta percuma bagi kanak-kanak bawah 6 tahun dan warga emas/OKU.

Jadi tunggu apa lagi, jom kita mencari ketenangan dengan meluangkan masa bersama keluarga tersayang di Taman Eko Rimba Kledang Saiong!

Untuk sebarang pertanyaan, anda boleh hubungi Pejabat Hutan Daerah Kinta di talian 05-3661 228.



TAMAN EKO RIMBA
KLEDANG SAIONG

Setinggi-tinggi
TAHNIAH

Kepada Menteri Besar Incorporated (Perak) (MB Inc.)

Atas Penganugerahan **Silver Award**
Employer Of Choice (Public Sector)

Sempena
21st MALAYSIA INTERNATIONAL HR AWARDS 2021

MALAYSIAN INSTITUTE OF HUMAN RESOURCE MANAGEMENT (MIHRM)
DI BAWAH NAUNGAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

yang diadakan pada 17 Jun 2022